

11 MAY 2000

MAHATHIR-PERSELISIHAN/I

MAHATHIR NAFI LAPORAN MENGENAI PERSELISIHAN ANTARANYA DAN DAIM

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan bahawa wujud perselisihan antaranya dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berikutan pelantikan Datuk Nor Mohamed Yakcop sebagai Penasihat Khas Perdana Menteri bagi hal ehwal kewangan.

"Memang sudah lama ada laporan tentang perselisihan antara saya dengan Tun Daim," kata beliau sambil menambah bahawa sejak Tun Daim menyertai kerajaan, terdapat desas-desus bahawa Tun Daim tidak sehaluan dengan Dr Mahathir.

"Tetapi pada masa krisis, beliau menyertai kerajaan dan membantu menyelesaikan masalah kita," katanya pada sidang akhbar di akhir hari pertama perhimpunan agung UMNO ke-54 di sini.

Namun begitu, meskipun kedengaran desas-desus dan laporan kononnya wujud perselisihan ini, kata Dr Mahathir, hubungan mereka sentiasa mesra.

"Kami masih tersenyum dan berpelukan serta masih mengendalikan kerajaan dengan agak jayanya," tambah beliau.

Ditanya sama ada Tun Daim ada membayangkan hasrat untuk meletakkan jawatan Kabinetnya, Dr Mahathir berkata Tun Daim telah menetapkan syarat sebelum menyertai semula kerajaan bahawa penyertaannya hanyalah sementara dan disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan bakat dalam Kabinet.

Kata Perdana Menteri beliau percaya bahawa sebaik sahaja ekonomi pulih kepada tahap sebelum krisis, Tun Daim mungkin mahu meletakkan jawatan.

"Itulah syarat beliau semasa kembali menyertai kerajaan. Beliau sentiasa menegaskan dengan jelas bahawa beliau tidak mahu kekal selamanya dalam kerajaan. Berbeza dengan orang lain beliau tidak bertanding bagi mana-mana jawatan dalam parti," kata Dr. Mahathir.

Apabila disoal oleh seorang pemberita sama ada Tun Daim akan meletakkan jawatan tidak lama lagi, Perdana Menteri berkata "Saya tidak tahu. Berdoalah semoga (pertumbuhan) ekonomi pulih kepada lapan peratus setahun."

Diminta mengulas tentang ucapan presidennya pagi tadi yang menyebut bahawa orang Melayu terlalu memilih pekerjaan, beliau berkata itu sememangnya fenomena semula jadi.

Bagaimanapun, tegas beliau, harus diingat bahawa apabila orang Melayu enggan melakukan kerja berat dan berbahaya, lama kelamaan mereka akan kehilangan pengaruh dan kuasa ke atas negara ini.

"Sebab itu kita perlu perjelaskan dan latih mereka supaya budaya mereka bertukar," tambah beliau.

Beliau juga berkata kerajaan mempunyai cara untuk menukar sikap dan pemikiran mereka tetapi sama ada ia mahu melakukannya atau tidak adalah satu perkara lain. -- BERNAMA

AD KY JR